

Graduan UPM ceria terima ijazah

CERIA. Sebahagian daripada graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) ceria selepas menerima diploma dan ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen ke-33 UPM di Serdang kelmarin.

Majlis konvokesyen penuh meriah itu yang berlangsung selama empat hari dirasmikan oleh Canselor UPM, Sultan Sharifuddin Idris Shah.

Seramai 7,597 graduan menerima ijazah dan diploma

masing-masing daripada pelbagai pengajian sepanjang majlis konvokesyen itu berlangsung.

Majlis tersebut turut menganugerahkan pingat emas kepada graduan cemerlang.



SEBAHAGIAN penerima ijazah kegirangan selepas majlis konvokesyen UPM di Serdang, Selangor kelmarin.